



JABATAN KETUA MENTERI
Chief Minister's Department
Aras 28, Blok A
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan UMS, Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU, SABAH
MALAYSIA

Tel : +6088-369 900
Faks : +6088-211 016

Rujukan: JKM. 100-4/62
Tarikh: 19 Mac 2021

Semua Setiausaha Tetap Kementerian;
Semua Ketua Jabatan Negeri;
Semua Ketua Eksekutif Badan Berkanun Negeri;
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan; dan
Semua Pegawai Daerah/Penolong Pegawai Daerah Kecil.

Yang Berbahagia Datuk/Tuan/Puan,

PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN

Perkara di atas dirujuk.

2. Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan yang sedang berjalan bertujuan untuk memastikan antara 70% hingga 80% rakyat menerima vaksin menjelang bulan Februari 2022 dan sekaligus membentuk imuniti kelompok untuk mengekang penularan COVID-19. Urusan pendaftaran bagi menyertai Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan telah bermula sejak 24 Februari 2021.

3. Di negeri Sabah, kerajaan mensasarkan seramai 2.9 juta penerima vaksin. Sila galakkan semua pegawai dan kakitangan di bawah seliaan YBhg. Datuk/Tuan/Puan untuk mendaftar melalui mana-mana saluran pendaftaran yang disediakan bagi menjayakan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan. Antara saluran pendaftaran ialah:

- a) Aplikasi MySejahtera;
- b) Laman web <https://www.vaksinCovid.gov.my/daftar>;
- c) Talian Pendaftaran Vaksinasi COVID-19 Kebangsaan 1-800-888-828; dan
- d) Pendaftaran di fasiliti kesihatan kerajaan dan swasta.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP.)
Setiausaha Kerajaan Negeri

“SABAH MAJU JAYA”